



BULETIN MAHSURI

MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN

**WALKABOUT PELANCONGAN
PERDANA MENTERI**

M/S 5

**MISI BANTUAN BENCANA DI
POKOK SENA**

M/S 12

PROJEK CSR MPLBP

M/S 9

ISI KANDUNGAN

LAWATAN SEKRETARIAT SABAH MAJU JAYA	3
LAWATAN KERJA SUK TERENGGANU	4
WALKABOUT PELANCONGAN PERDANA MENTERI	5
SESI PENYERAHAN PAKAIAN KERJA NO. 3 TENTERA DARAT	6
PROGRAM JALINAN MESRA PUSPANITA	7
PENYERAHAN KUNCI KERETA PROTON PERSONA	8
BANTUAN RAKYAT KAMPUNG SYED NAHAR	9
PROJEK CSR MPLBP	9
PERARAKAN HARI KEMERDEKAAN KE-66	10
MISI BANTUAN BENCANA DI POKOK SENA	12
MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS MPLBP	13
PERHIMPUNAN KHAS DAN AMANAT YANG DIPERTUA MPLBP	14
KEJOHANAN BOLA SEPAK PIALA YANG DIPERTUA MPLBP 2023	16
PROGRAM GOTONG-ROYONG DI BULATAN YOOI	17



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT:

Yang Mulia Tunku Iskandar Shah bin Tunku Muszaffar Shah
AMK, AMN, BCK.
Yang Dipertua

KETUA PENYELARAS:

Tuan Hamizie bin Ibrahim
BCK.
Setiausaha

KETUA PENGARANG:

Pn. Anis Sallihah binti Zabudin
Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan

PENGARANG:

Mohd Nashriq bin Kamaruddin

REKAAN GRAFIK:

Mohd Nashriq bin Kamaruddin

JURUFOTO:

Mohd Nashriq bin Kamaruddin

DITERBITKAN OLEH:

Unit Korporat dan Perhubungan Awam
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
07000 Kuah, Langkawi,
Kedah Darul Aman



Majlis Perbandaran Langkawi, Bandaraya Pelancongan,
07000, Kuah, Langkawi Kedah

Tel : 04-966 6590
Faks : 04-967 1773
Emel: ydp@mplbp.gov.my



BULETIN MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN diterbitkan dua kali setahun oleh Unit Korporat dan Perhubungan Awam. Naskah yang diedarkan adalah **PERCUMA**. Pihak MPLBP amat mengalu-alukan cadangan dan sumbangan idea berupa artikel atau komen daripada pelbagai pihak. Cetusan kreatif dan bermakna boleh dijemelkan kepada ydp@mplbp.gov.my.

HAK CIPTA TERPELIHARA

Penerbitan ini tidak boleh dicetak atau disiarkan dalam apa jua cara seperti fotokopi, elektronik, rakaman, atau lain-lain yang berkaitan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.



LAWATAN SEKRETARIAT SABAH MAJU JAYA

4 Julai 2023

Dalam rangka memperkuatkan kerjasama dan pertukaran pengetahuan antara Sekretariat Sabah Maju Jaya, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah dengan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan, satu lawatan telah dijalankan oleh wakil dari Sekretariat Sabah Maju Jaya ke pejabat MPLBP pada 4 Julai 2023.

Lawatan ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan untuk memajukan pembangunan sumber manusia dan peningkatan kapasiti dalam sektor awam Negeri Sabah. Dibawah kepemimpinan yang dinamik dari Sekretariat Sabah Maju Jaya, telah berlaku peningkatan yang signifikan dalam pelbagai inisiatif pembangunan di Negeri Sabah. Oleh itu, tujuan lawatan ini adalah untuk berkongsi pengalaman dan terus memperbaiki proses-proses yang ada.



Dalam lawatan ini, wakil-wakil dari Sekretariat Sabah Maju Jaya telah diberi peluang untuk berjumpa dengan kakitangan terlatih dan pakar-pakar dari MPLBP. Wakil-wakil dari Sekretariat Sabah Maju Jaya telah berpeluang berbincang dengan kakitangan MPLBP dalam sesi perbentangan yang berfokus kepada pengurusan modal insan dan perancangan bandar.

Melalui perbualan dan sesi perbentangan, terdapat pertukaran pengalaman dan pengetahuan yang berharga antara Sekretariat Sabah Maju Jaya dan MPLBP. Hal ini akan membantu meningkatkan prestasi dan kesan program-program yang akan dilaksanakan.

LAWATAN KERJA SUK TERENGGANU

20 Julai 2023

Dalam usaha untuk memperkuatkan pengetahuan dan kemahiran dalam tatacara pembangunan persisiran pantai dan kawasan pelancongan di Langkawi, sebuah lawatan ilmiah telah diaturkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu ke pejabat MPLBP. Lawatan kerja ini bertujuan untuk memahami sepenuhnya pelaksanaan undang-undang dan garis panduan yang berkaitan dengan persisiran pantai di kawasan yang penting seperti Pulau Langkawi.



Semasa lawatan ini, wakil-wakil dari SUK Terengganu berpeluang untuk melibatkan diri dalam sesi perbentangan oleh Pegawai Penguatkuasa MPLBP. Mereka juga mendapat peluang untuk menyelidik pelbagai aspek termasuk strategi penguatkuasaan, teknologi yang digunakan dalam pemantauan persisiran pantai, serta perkara-perkara berkaitan dengan pematuhan undang-undang oleh penduduk tempatan dan pelancong.



Lawatan kerja SUK Terengganu ke MPLBP di Pulau Langkawi adalah satu langkah positif dalam pembangunan kapasiti dalam bidang penguatkuasaan persisiran pantai dan merupakan contoh terbaik kerjasama antara agensi kerajaan untuk menjaga dan memastikan kelestarian persisiran pantai di Malaysia.



disempurnakan oleh
Y.A.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
PERDANA MENTERI MALAYSIA



Walkabout Pelancongan Perdana Menteri

11 Ogos 2023

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan telah berkesempatan turun padang ke program Walkabout Pelancongan dan Perasmian Geopark Discovery Centre (GDC) sambil diapit YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Dalam Negeri selain masyarakat setempat.

Dalam ucapan, beliau maklum keputusan kerajaan untuk memberikan eluan seberang laut bagi penjawat awam bertugas di Langkawi sepetimana yang bakal dinikmati oleh penjawat awam dari Sabah dan Sarawak yang bertugas di Semenanjung.

Beliau turut singgung berkaitan usaha menjadikan pulau peranginan dan bersejarah Langkawi ini untuk pesat membangun namun memerlukan program-program yang berkaitan melibatkan kebersamaan jabatan kerajaan dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).



Lawatan rasmi ini juga memberikan peluang kepada Perdana Menteri untuk mengumumkan inisiatif kerajaan yang lebih besar dalam memelihara alam sekitar negara ini. Beliau menekankan bahawa Malaysia harus terus berusaha untuk menjaga keindahan semulajadi negara ini sambil juga memajukan ekonomi dan kesejahteraan rakyatnya.

Adalah menjadi hasrat kerajaan agar arus pembangunan dan kemajuan terus dirasai di Langkawi tanpa mengabaikan masalah serta isu tempatan seperti industri pengangkutan feri yang pastinya ada perancangan menyeluruh untuk dilaksanakan.

SESI PENYERAHAN PAKAIAN KERJA NO. 3 TENTERA DARAT

16 Ogos 2023

Satu sesi penyerahan pakaian kerja (No.3) Tentera Darat kepada kakitangan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) yang baru menyertai Askar Wataniah telah dilaksanakan oleh Yang Mulia Mejari (Kehormat) Tunku Iskandar Shah Bin Tunku Muszaffar Shah, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan merangkap Ahli Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah (JAKPAW) Negeri Kedah Darul Aman.

Satu pertemuan ringkas telah diadakan bersama Yang Mulia Mejari (Kehormat) Tunku Iskandar Shah Bin Tunku Muszaffar Shah dengan kakitangan MPLBP yang baru menyertai Askar Wataniah di Pulau Langkawi. Ini adalah antara inisiatif yang diambil bagi menaikkan semangat mereka agar terus bergiat aktif dalam Askar Wataniah selepas ini.

Majlis angkat sumpah bersama-sama semua anggota baharu yang baru menyertai Askar Wataniah di Pulau Langkawi akan dilaksanakan tidak lama lagi.




Program Jalinan Mesra PUSPANITA

20 Ogos 2023

PUSPANITA Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) telah menerima lawatan daripada PUSPANITA Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi Program Jalinan Mesra bertempat di Bilik Mesyuarat Hibiscus MPLBP.

Lawatan ini bertujuan untuk memperkuatkan hubungan kerjasama dan perkongsian program antara dua komuniti. Jawatankuasa Induk PUSPANITA turut berpeluang untuk berkongsi aspirasi untuk memajukan masyarakat dan kesejahteraan komuniti khusus kepada kaum wanita. Dalam sesi perkongsian idea, kedua-dua pihak telah mempersembahkan projek-projek terkini yang mereka jalankan untuk meningkatkan kualiti hidup kaum wanita.



Program Jalinan Mesra telah dihadiri oleh Puan Noraishah binti Hashim, Timbalan Pengerusi PUSPANITA bersama Ahli Jawatankuasa Induk PUSPANITA MBSP dan disambut mesra oleh Puan Rafizah binti Hashim, Pengerusi PUSPANITA MPLBP bersama Ahli Jawatankuasa Induk PUSPANITA MPLBP.

Lawatan rasmi ini telah berjaya mencipta platform untuk pertukaran idea, peningkatan pengetahuan, dan pengukuhan hubungan antara PUSPANITA Majlis Bandaraya Sungai Petani dan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.



PENYERAHAN KUNCI KERETA PROTON PERSONA

20 Ogos 2023

Dalam usaha untuk memperkuuhkan kemampuan Jabatan Kesihatan Persekutaran MPLBP dalam menjalankan tanggungjawabnya dalam menjaga kesihatan persekitaran, sebuah acara righnas penyerahan kunci kereta telah diadakan di perkarangan pejabat MPLBP. Kunci kereta-kerta baru ini diserahkan kepada jabatan ini sebagai sebahagian daripada usaha Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menyokong perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat.



Serahan kunci kereta telah dilaksanakan oleh Yang Mulia Tunku Iskandar Shah bin Tunku Muszaffar Shah, Yang Dipertua MPLBP kepada Encik Azli bin Abd. Rani, Pengarah Jabatan Kesihatan Persekutaran. Yang Dipertua MPLBP telah menggariskan pentingnya perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Kesihatan Persekutaran dalam menjaga kualiti alam sekitar dan kesihatan masyarakat tempatan. Beliau menjelaskan bahawa penyerahan kunci kereta baharu ini adalah sebahagian daripada usaha MPLBP untuk memastikan jabatan ini memiliki alat-alat yang diperlukan untuk berfungsi dengan cekap dan efektif.

Beliau turut memberikan jaminan bahawa kenderaan baharu ini akan digunakan dengan teliti untuk memastikan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat. MPLBP berharap bahawa peningkatan perkhidmatan yang didorong oleh penyerahan kunci kereta ini akan membawa manfaat kepada masyarakat dan menyokong usaha dalam melestarikan pembangunan sosio-ekonomi Langkawi.



BANTUAN RAKYAT KAMPUNG SYED NAHAR

24 Ogos 2023

Jabatan Pembangunan Masyarakat MPLBP telah mengadakan satu acara istimewa di Kg. Syed Nahar, Langkawi, dengan tujuan memberikan sumbangan bantuan rakyat kepada komuniti yang memerlukan. Acara ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan MPLBP dalam menyokong masyarakat tempatan dan memastikan kesejahteraan mereka.

Acara ini turut dihadiri oleh Encik Nurul Badri bin Ali, Ketua Bahagian Pelancongan dalam membuat serahan bantuan rakyat ini. Turut hadir ialah wakil kampung dan penduduk-penduduk tempatan, termasuk golongan yang memerlukan bantuan. Dalam ucapannya, menyatakan bahawa MPLBP sentiasa berusaha untuk berkhidmat kepada masyarakat Langkawi dengan penuh keikhlasan. Beliau menekankan pentingnya kerjasama komuniti dalam menjaga keharmonian dan kekukuhannya.



Pemberian sumbangan ini adalah sebahagian daripada usaha MPLBP untuk membantu golongan yang memerlukan, terutamanya dalam keadaan sukar seperti yang dihadapi oleh banyak keluarga dalam tempoh yang mencabar ini. Ia juga sebagai contoh yang nyata tentang kepekaan dan perhatian MPLBP terhadap kebajikan rakyat Langkawi.

PROJEK CSR MPLBP

14 November 2023

Satu majlis Penyerahan Projek Lanskap CSR Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) telah diadakan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kebersihan Keindahan Dan Keceriaan (BIC) Bil 4/2023 pada 14 november 2023.

Projek CSR pengindahan landskap ini diilhamkan oleh Yang Mulia Tunku Iskandar Shah bin Tunku Muszaffar Shah, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bertujuan memberi keselesaan kepada penghuni rumah anak yatim disamping mendidik anak-anak yatim untuk turut serta dalam menjaga kebersihan keindahan dan keceriaan di sekitar kawasan rumah tersebut supaya ianya kelihatan bersih, indah dan ceria.

Majlis penyerahan ini di sampaikan oleh Yang Mulia Tunku Iskandar Shah Bin Tunku Muszaffar Shah, Yang Dipertua Majlis kepada En. Mohd Hafizuddin Bin Bahdun, Penolong Pegawai Daerah (Pentadbiran dan Kewangan), Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi disaksikan oleh Ahli-Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kebersihan, Keindahan Dan Keceriaan (BIC).



PERARAKAN HARI KEMERDEKAAN KE-66

30 Ogos 2023

Sambutan Hari Kebangsaan Ke-66 Peringkat Negeri Kedah berjalan dengan penuh gilang-gemilang dengan dianggarkan lebih 20 ribu rakyat negeri Kedah membanjiri Dataran Medan Bandar bagi menyaksikan Istiadat Perbarisan dan Perarakan Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-66 Peringkat Negeri Kedah Darul Aman Tahun 2023.

Istiadat Perbarisan dan Perarakan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-66 ini telah disempurnakan oleh Sultan Negeri Kedah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah di Dataran Medan Bandar, Alor Setar.

Istiadat dimulakan dengan Kawalan Kehormatan Utama ‘Hormat DiRaja’ serta nyanyian lagu ‘Allah Selamat Sultan’ oleh Batalion Ke-2 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) terdiri daripada tiga pegawai dan 103 anggota lain-lain pangkat diketuai Mejar Mohd Faris Kamarul Bahrin diiringi Pancaragam Batalion Ke-2 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) pimpinan Pegawai Waran 2, Drum Mejar Azhar Ahmad.



Istiadat Perbarisan Dan Perarakan Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-66 Peringkat Negeri Kedah Darul Aman
31 Ogos 2023
www.mplbp.gov.my



Kemudian acara diserikan dengan persembahan koir oleh Pasukan Koir Wisma Darul Aman yang mendendangkan dua buah lagu iaitu 'Warisan' dan 'Saya Anak Malaysia'. Sebanyak 115 Kontinjen menyertai Perbarisan dan Perarakan pada kali ini yang terdiri daripada kategori Pancaragam Sekolah Menengah dan Rendah, Badan Beruniform Institusi Pendidikan, Badan Beruniform Kerajaan, Persatuan/NGO/Pertubuhan/Kelab, PBT/Badan Berkanun/Swasta, Agensi Kerajaan Negeri & Persekutuan.

Selepas Istiadat Perbarisan dan Perarakan, turut diserikan persembahan tarian oleh Kaum Melayu, Cina dan India serta persembahan seni bela diri seperti taekwondo dan silat diakhiri dengan penyampaian hadiah kawad kaki sempena perbarisan kemerdekaan.



Berangkat hadir sama Sultanah Negeri Kedah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Maliha Almarhum Tengku Ariff; Raja Muda Kedah, Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Sultan Sallehuddin dan Raja Puan Muda Kedah, Duli Yang Teramat Mulia Che Puan Muda Zaheeda Mohamad Ariff; Tunku Mahkota Kedah, Duli Yang Amat Mulia Tunku Shazuddin Ibni Sultan Sallehuddin dan Tunku Puan Mahkota Kedah, Duli Yang Amat Mulia Che Puan Nur Julie Ariff.



Hadir sama Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md. Nor dan isteri, Tok Puan Jusmalailani Jusoh; Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Dato' Seri Norizan Khazali dan isteri, Datin Seri Norhasni Ishak; Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kesihatan Negeri, Mej (B) Mansor Zakaria merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perbarisan dan Perarakan.

MISI BANTUAN BENCANA DI POKOK SENA

2 Oktober 2023

Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bersama Rejimen 513 Askar Wataniah telah berjaya menjalani Misi Bantuan Bencana di Pokok Sena selama 4 hari. Misi bantuan bencana ini dijalankan di beberapa kawasan yang terjebak dengan bencana banjir. Antara kawasan yang terjejas dengan bencana banjir ini adalah Kg Tanah Periok, Taman Mesra, Kg Bukit Iboi, Kg Padang Empang, dan kawasan di sekitarnya.

Alhamdulillah, dengan menerima kerjasama dari pelbagai pihak dan rakan PBT seperti Majlis Bandaraya Alor Setar, Majlis Perbandaran Kulim, Majlis Perbandaran Langkawi, Majlis Perbandaran Kubang Pasu, Majlis Daerah Kubang Pasu, Majlis Daerah Bandar Baharu, Majlis Daerah Sungai Petani, Majlis Daerah Yan, Majlis Daerah Sik, Majlis Daerah Pengkalan Hulu, Majlis Daerah Pendang, E-Idaman, Bomba Baling, Bomba Kulim, Bomba Pengkalan Hulu, Gabungan Pilot Darat Malaysia dan lain-lain lagi, Misi Bantuan Bencana Banjir ini telah berjalan dengan lancar.

Ribuan terima kasih dan penghargaan diucapkan kepada semua pihak dan sukarelawan yang dengan sukacitanya tanpa mengira masa atau lelah telah bekerjasama dalam menjalani Misi Bantuan Bencana Banjir ini. Keikhlasan dan tekad mereka dalam membantu mangsa-mangsa banjir ini sudah menjadi obligasi dan sumber perintis inspirasi yang besar.

Adalah diharapkan dengan wujudnya Misi Bantuan Bencana Banjir ini dapat menguatkan lagi sinergi antara kesemua pihak bagi membantu meringankan beban para keluarga mangsa banjir dan seterusnya menyuntik semangat buat mereka untuk meneruskan kehidupan dengan penuh harapan yang cerah.



MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS MPLBP

11 Oktober 2023

Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bagi Penggal Oktober 2023 hingga Disember 2025 telah berlangsung pada pagi ini di Dewan Sunset, Aloft Langkawi, Kedah Darul Aman.

Semua Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan yang dilantik telah melafazkan ikrar angkat sumpah di hadapan Yang Mulia Tunku Iskandar Shah Bin Tunku Muszaffar Shah, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.



Dalam ucapan perutusan, Yang Dipertua juga turut menyampaikan amanat beliau kepada Ahli-Ahli Majlis, Pengarah-Pengarah Jabatan dan semua yang hadir. Antara lain perutusan Yang Dipertua, beliau menegaskan perlantikan ini bukan satu penghormatan tetapi ia datang sebagai satu amanah dan tanggungjawab yang amat berat dan penting yang perlu dipikul oleh semua Ahli Majlis.

Yang Dipertua, Setiausaha dan seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan mengucapkan jutaan tahniah kepada semua Ahli Majlis yang dilantik. Diharapkan agar semua ahli majlis dapat menjalankan amanah yang diberikan dengan penuh tanggungjawab kerana setiap tugas yang dilaksanakan akan menjadi timbangan di akhirat kelak.





PERHIMPUNAN KHAS DAN AMANAT YANG DIPERTUA MPLBP

15 Oktober 2023

Hari ini telah berlangsungnya Perhimpunan Khas Dan Amanat Yang Dipertua bersama kakitangan MPLBP yang diadakan di Auditorium LADA pada pagi tadi. Tujuan perhimpunan khas ini diadakan bagi memberi penghormatan dan ucapan tahniah daripada Yang Dipertua MPLBP, Yang Mulia Tunku Iskandar Shah Bin Tunku Muszaffar Shah kepada seluruh kakitangan yang telah berjaya dilantik menjadi seorang penjawat awam.

Majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Dipertua dan turut diserikan dengan kehadiran Pengarah-Pengarah Jabatan serta Ahli Jawatankuasa PUSPANITA MPLBP. Menerusi ucapan Yang Dipertua, beliau menegaskan kepada seluruh kakitangan MPLBP supaya sentiasa memberikan khidmat kepada rakyat sama ada dari segi peraturan, sistem, proses kerja serta penghasilannya agar rakyat mendapat pulangan manfaat yang selayaknya.





Yang Dipertua turut menegaskan, penjawat awam hendaklah sentiasa berpegang kepada prinsip, nilai moral, berintegriti dan bermaruah sebagai jentera pentadbiran di bawah naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Negeri Kedah Darul Aman, dalam membawa kesejahteraan kepada rakyat. Justeru, diharapkan seluruh kakitangan MPLBP bersama-sama berganding bahu membantu dalam merangka pembentukan perkhidmatan yang terbaik kepada seluruh penduduk di Pulau Langkawi seiring dengan moto MPLBP dalam menjadikan Pulau Langkawi sebagai sebuah pulau yang bersih, indah dan ceria.


KEJOHANAN BOLA SEPAK PIALA YANG DIPERTUA MPLBP 2023

19 Disember 2023

Pada 19 Disember 2023, Stadium Langkawi menjadi saksi kepada kemuncak Kejohanan Bola Sepak Piala Yang Dipertua 2023. Pasukan Al-Nassr FC dinobatkan sebagai juara selepas memenangi perlawanan akhir. Al-Ain FC pula berjaya menempah tempat Naib Johan. Manakala, tempat ketiga dan keempat dimenangi oleh pasukan Al-Shabab dan Al-Duhail.

Stadium Langkawi dimeriahkan dengan prestasi cemerlang para pemain. Sepanjang perlawanan akhir, penonton disajikan dengan aksi-aksi hebat, strategi taktikal yang pintar dan gol-gol yang memukau. Sorakan dan semangat dari peminat bola sepak turut menambah kehangatan dalam kejohanan ini.

Kejohanan ini bukan sekadar pertandingan biasa, tetapi merupakan sebuah acara sukan yang menggembirakan dan merapatkan komuniti bola sepak serta kakitangan MPLBP.





PROGRAM GOTONG-ROYONG DI BULATAN YOOI

21 Disember 2023

Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) telah mengadakan aktiviti gotong-royong pembersihan semak samun berhampiran Bulatan Yooi, Padang Matsirat.

Gotong-royong ini merupakan aktiviti pertama yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Kecil Pengurusan Semak Samun BIC yang diwujudkan di bawah Jawatankuasa Tetap BIC. Jawatankuasa Kecil ini diketuai oleh En. Ahmad Nazri bin Ali, Ahli Majlis selaku Pengerusi dan dianggotai oleh pelbagai agensi kerajaan serta swasta di Pulau Langkawi seperti Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Jabatan Kerja Raya, SW Corp, THB, E-Idaman dan Jabatan Amal. Ahli-Ahli Majlis yang turut hadir adalah En. Ahmad bin Sidek dan Pn. Rozaida binti Ahmad. Tidak dilupakan barisan kakitangan MPLBP yang terdiri daripada pelbagai jabatan.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah dengan menolak dan membersihkan semak samun, penebangan dan pemangkas pokok, pemotongan rumput, kutipan sampah sarap dan pengumpulan serta pelupusan sisa gotong-royong di kawasan tersebut.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam aktiviti gotong-royong yang diadakan ini. Diharapkan inisiatif ini dapat diteruskan demi menjadikan Pulau Langkawi sebagai pulau yang bersih, indah dan ceria.





JOM BAYAR CUKAI PINTU TAHUN 2024

STOK TERHAD



CENDERAHATI MENARIK

MENANTI PEMBAYAR CUKAI PINTU MPLBP TAHUN 2024

www.mplbp.gov.my



APLIKASI FLEXI PARKING KINI BOLEH DIGUNAKAN DI
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN



Majlis Perbandaran Langkawi, Bandaraya
Pelancongan, 07000, Kuah, Langkawi Kedah

Tel : 04-966 6590
Faks : 04-967 1773
Emel: ydp@mplbp.gov.my